



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 5/1985**

**Tindakan Penguatkuasaan Apabila Berlaku  
Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah (Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/1985
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 5/1985**

**Tindakan Penguatkuasaan Apabila Berlaku**  
**Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah mengenai tindakan-tindakan yang boleh atau perlu diambil apabila berlaku sesuatu pelanggaran syarat penggunaan tanah.

2. Apabila berlaku sesuatu pelanggaran syarat tanah, Pentadbir Tanah boleh mengambil salah satu tindakan iaitu sama ada terus merampas tanah tersebut di bawah seksyen 129 atau memberi peluang kepada pemilik berdaftar tanah untuk meremedi di bawah seksyen 128 atau mengenakan denda terhadap tuanpunya tanah terlebih dahulu di bawah subseksyen 127(1A) Kanun Tanah Negara 1965. Rumusan dan prosedur secara kasar dapat dilihat dalam carta di **Lampiran 'A'**.

3. Menurut subseksyen 127(1A) Kanun Tanah Negara 1965, Pentadbir Tanah boleh menghantar notis dalam Borang 7E dalam tempoh yang munasabah kepada tuanpunya tanah apabila berlaku sesuatu pelanggaran syarat untuk memberi alasan mengapa denda tidak boleh dikenakan terhadapnya. Satu siasatan seterusnya hendaklah dibuat, jika Pentadbir Tanah tidak berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberikan maka Pentadbir Tanah bolehlah memerintahkan supaya denda yang tidak kurang dari RM500.00 dikenakan. Perintah ini hendaklah disampaikan dengan menggunakan borang di **Lampiran 'B'** jika tidak ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri. Jika denda ini tidak dibayar, maka Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan seterusnya sama ada mengikut seksyen 128 dan 129 Kanun Tanah Negara 1965.

4. Jika selepas membayar denda di perenggan 3, pelanggaran syarat terus berlaku, maka Pentadbir Tanah boleh mengenakan denda tambahan yang tidak kurang dari RM100.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu berlanjutan, dengan menggunakan borang di **Lampiran 'C'** jika tidak ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri. Tempoh hari-hari yang dikenakan denda hendaklah dikira dari tarikh penyerahan perintah denda pertama di perenggan 3 di atas.

5. Jika pelanggaran syarat itu terus juga berlaku, maka Pentadbir Tanah bolehlah menyampaikan notis dalam Borang 7F kepada pemilik berdaftar tanah untuk memberitahuinya bahawa tindakan di bawah seksyen 128 dan 129 Kanun Tanah Negara 1965 akan diambil bila-bila masa selepas tamatnya tempoh 6 bulan dari tarikh penyampaian notis tersebut. Pentadbir Tanah disyorkan mengambil tindakan di bawah seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965 selepas tamatnya tempoh 6 bulan itu.

6. Peruntukan di bawah seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965 memberikan tiga pilihan kepada Pentadbir Tanah jika sesuatu pelanggaran syarat itu berterusan selepas beliau mengadakan siasatan berikut dengan pengeluaran notis dalam Borang 7B. Jika berpatutan, Pentadbir Tanah bolehlah memberi masa tambahan kepada tuanpunya tanah yang berkenaan untuk meremedi pelanggaran syarat itu, atau jika ada arahan dari Pihak Berkua Negeri, beliau hendaklah mengambil milik secara sementara di bawah Kanun Tanah Negara 1965 perenggan 129(4)(c) atau 129(5)(b), atau beliau terus membuat perintah perampasan.

7. Peruntukan-peruntukan mengenai pemilikan sementara adalah dinyatakan dalam subseksyen 129(6) Kanun Tanah Negara 1965. Tujuan pemilikan sementara ini adalah untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkua Negeri untuk meremedi pelanggaran syarat itu bagi pihak tuanpunya tanah melalui apa-apa cara yang difikirkannya sesuai. Pengendorsan mengenai pemilikan sementara seperti di bawah hendaklah dibuat dalam dokumen hakmilik daftar.

"Tanah ini dimiliki sementara oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 129(4)(c)/129(5)(b) Kanun Tanah Negara 1965 menurut arahan-arahannya pada ..... hari bulan ..... 20..... dalam ..... (Rujukan)."

Bertarikh pada:

T.M.

.....


Pentadbir Tanah  
Daerah .....

8. Selepas pelanggaran syarat tersebut diremedi, tanah itu hendaklah dikembalikan semula kepada pemilik berdaftar tanah dengan syarat tanah tersebut diselenggarakan dengan baik dan kesemua atau sebahagian kos yang terlibat dibayar kembali, sama ada sekali gus atau secara ansuran. Pengendorsan di perenggan 7 seterusnya hendaklah dibatalkan oleh Pentadbir Tanah. Jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka Pentadbir Tanah hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah tersebut tidak diselenggarakan dengan baik, maka arahan akan dibuat untuk mengisyiharkan bahawa tanah tersebut adalah dirampas di bawah perenggan 129(6)(c) Kanun Tanah Negara 1965.

9. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeling-pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 7/1977 (Disemak 2007) dan Bilangan 36/1977(Disemak 2007).

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

### Carta Tindakan Penguatkuasaan Apabila Berlaku Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah



**PERINTAH DENDA OLEH PENTADBIR TANAH  
DI BAWAH PERENGGAN 127(1A)(b) KANUN TANAH NEGARA**

Kepada .....

beralamat di .....  
tuanpunya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya, yang bertandatangan di bawah ini, adalah berpuas hati bahawa semua pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul, iaitu-

Di sini perihal .....  
syarat yang .....  
dilanggar itu .....  
.....

Dan bahawasanya saya, selepas satu notis dalam Borang 7E bertarikh ..... hari bulan ..... 20..... dan selepas menimbangkan alas-alasan kamu mengapa denda tidak patut dikenakan pada kamu mengenai pelanggaran syarat yang tersebut di atas, adalah berpuas hati bahawa tidak ada alas an-alasan yang baik yang dikemukakan.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 127(1A)(b) Kanun Tanah Negara 1965, saya dengan perintah ini mengenakan pada kamu denda sebanyak ..... Ringgit Malaysia mengenai pelanggaran yang tersebut di atas.

Bertarikh pada ..... hari bulan ..... 20.....

Pentadbir Tanah .....  
Daerah .....

**JADUAL TANAH DAN SYARAT**

\*Bandar/Pekan/Mukim ..... No. Lot/P.T. ....  
Jenis dan No. Hakmilik ..... Luas .....  
Syarat yang dilanggar .....  
.....  
.....

---

\*Potong sebagaimana yang sesuai.

**PERINTAH DENDA TAMBAHAN OLEH PENTADBIR TANAH  
DI BAWAH PERENGGAN 127(1A)(b) KANUN TANAH NEGARA**

Kepada .....  
Beralamat di .....  
tuanpunya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya, yang bertandatangan di bawah ini, adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul iaitu –

Di sini perihalkan .....  
syarat yang .....  
dilanggar itu .....  
.....  
.....

Dan bahawasanya saya selepas satu notis dalam Borang 7E bertarikh ..... hari bulan ..... 20 ..... telah pada ..... hari bulan ..... 20 ..... mengenakan pada kamu denda sebanyak ..... Ringgit Malaysia mengenai pelanggaran yang tersebut di atas.

Dan bahawasanya saya, selepas siasatan yang sewajarnya adalah berpuas hati bahawa pelanggaran syarat yang tersebut di atas berterusan.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 127(1A)(b) Kanun Tanah Negara 1965, saya dengan perintah ini mengenakan pada kamu denda tambahan sebanyak ..... Ringgit Malaysia mengenai pelanggaran yang tersebut di atas.

Bertarikh pada ..... hari bulan ..... 20 .....

Pentadbir Tanah .....  
Daerah .....

**JADUAL TANAH DAN SYARAT**

\*Bandar/Pekan/Mukim ..... No. Lot/P.T. ....  
Jenis dan No. Hakmilik ..... Luas .....  
Syarat yang dilanggar .....  
.....  
.....

---

\*Potong sebagaimana yang sesuai.